
Hutang Lupus jika ② mufliis

B.M. 15 DEC 1991

SEGAMAT: Kerajaan Pusat hanya melupuskan hutang sesuatu badan jika ia diisytihar mufliis, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, adalah satu contoh yang tidak baik jika kerajaan melupuskan hutang Kerajaan Negeri Kelantan yang ada sekarang kerana pemimpinnya mendakwa mereka mempunyai banyak wang.

“Jika Kerajaan Pusat beri pinjaman tanpa perlu membayar balik, bermakna kerajaan mengajar rakyatnya menjadi lokek,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sistem Penggunaan Gas Semenanjung Peringkat II (PGU II), di sini semalam.

Beliau mengulas memorandum Kerajaan Negeri Kelantan yang meminta dilupuskan 70 peratus daripada \$100 juta hutang projek bekalan air Kelantan Utara.

Memorandum itu diketukakan oleh delegasi kerajaan Kelantan yang diketuai Timbalan Menteri Besar, Haji Abdul Halim Abdul Rahman, ketika menemui Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, 22 Oktober lalu.